

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**SYARAT - SYARAT DAN TATACARA
KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Entrepreneurship is our Thrust

**BAHAGIANINI DIBIARKAN
KOSONG**

**SYARAT - SYARAT DAN TATACARA
KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 Bachok, Kelantan
09-779 7686
www.umk.edu.my**

Hakcipta terpelihara UMK 2020

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan

Diterbitkan oleh:

Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan, Malaysia

KANDUNGAN

PRAKATA NAIB CANSELOR

iv

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
2.0	Definisi Istilah	3
3.0	Peraturan dan Prinsip Kenaikan Pangkat	6
4.0	Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat Staf Akademik	7
5.0	Staf Akademik Yang Layak dan Tidak Layak Untuk Kenaikan Pangkat	9

BAHAGIAN II: KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH

1.0	Pendahuluan	11
2.0	Syarat- Syarat Kenaikan Pangkat Pensyarah	11
3.0	Definisi Kriteria Kecemerlangan Akademik	14
4.0	Wajaran Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) Pensyarah	17
5.0	Peningkatan Gred Bagi Staf Akademik Kontrak atau Sementara	17

BAHAGIAN III: KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

1.0	Pendahuluan	18
2.0	Syarat- Syarat Kenaikan Pangkat Guru Bahasa	18
3.0	Definisi Kriteria Kecemerlangan Akademik	19
4.0	Wajaran Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) Guru Bahasa	23

BAHAGIAN IV: PEMARKAHAN DAN TATACARA PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

1.0	Pemarkahan	24
2.0	Komponen Penilaian Kenaikan Pangkat	25
3.0	Tadbir Urus dan Tatacara Permohonan	29
4.0	Tatacara Temu duga	32
5.0	Lembaga Kenaikan Pangkat	34
6.0	Keputusan Kenaikan Pangkat	34
7.0	Rayuan	34
8.0	Rujukan	36

LAMPIRAN

A	Syarat Wajib Minimum Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah
B	Syarat Wajib Minimum Permohonan Kenaikan Pangkat Guru Bahasa
C	Proses Kerja Kenaikan Pangkat Staf Akademik

PRAKATA NAIB CANSELOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pencapaian dan kecemerlangan sebuah universiti adalah kesinambungan daripada kecemerlangan, kredibiliti, kewibawaan dan kesarjanaan ahli akademik yang menerajui sesebuah Universiti. Justeru itu, Buku Syarat-Syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) Akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada semua ahli akademik dalam mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang ilmu menerusi pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan dan sumbangan kepada Universiti dan masyarakat. Buku STEPS Akademik UMK ini adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf UMK yang digunakan mulai tahun 2015. Buku STEPS Akademik UMK ini turut menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kriteria-kriteria yang diperlukan bagi memantapkan kredibiliti, kewibawaan serta kesarjanaan sebagai seorang ahli akademik serta menjelaskan tentang proses, prosedur dan kriteria kenaikan pangkat bagi Skim Pensyarah dan Guru Bahasa.

Buku STEPS Akademik UMK ini amat penting dalam menetapkan tanda aras minimum bagi kenaikan pangkat dan memastikan kenaikan pangkat ahli akademik adalah berdasarkan merit dan sumbangan mereka kepada UMK. Saya berharap agar Buku STEPS Akademik UMK ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh ahli akademik dan menjadikannya sebagai satu sasaran dalam mempertingkatkan kecemerlangan dan kesarjanaan dalam bidang masing-masing. Saya juga menaruh kepercayaan bahawa Buku STEPS Akademik UMK ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan penting untuk meningkatkan motivasi dalam kalangan ahli akademik. Selain itu, diharap Buku STEPS Akademik UMK ini dapat diikuti sepenuhnya agar kualiti dan kredibiliti seorang ahli akademik terpelihara.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Pendaftar dan Jawatankuasa Khas yang telah dilantik oleh pihak Universiti atas usaha menerbitkan Buku STEPS Akademik UMK ini, serta tidak lupa kepada individu yang menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam menghasilkan Buku STEPS Akademik UMK ini sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Wassalam.

PROFESOR DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL

SENARAI KATA SINGKAT

UMK	Universiti Malaysia Kelantan
LPU	Lembaga Pengarah Universiti
MPSM	Majlis Pembangunan Sumber Manusia
JKP	Jawatankuasa Pemilih
STEPS	Syarat-syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf
KKA	Kriteria Kecemerlangan Akademik
JKPF	Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
PTj	Pusat Tanggungjawab

BAHAGIAN I: PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Definisi kenaikan pangkat bagi staf akademik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ialah peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.
- 1.2 Syarat-Syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) Akademik UMK merupakan garis panduan kenaikan pangkat yang disediakan untuk kegunaan staf akademik, panel penilai, jawatankuasa pemilih, urus setia, dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pengurusan kenaikan pangkat.
- 1.3 Buku STEPS Akademik ini adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf UMK yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (LPU) pada tahun 2015.
- 1.4 Objektif utama Buku STEPS Akademik ini disediakan adalah:
 - a) Menjelaskan dasar, proses dan prosedur kenaikan pangkat staf akademik di UMK;
 - b) Menerangkan tentang syarat-syarat dan tatacara kenaikan pangkat staf akademik kepada staf, panel penilai, jawatankuasa pemilih, urus setia, dan pihak-pihak lain yang terlibat;
 - c) Menerangkan peraturan dan piawai bagi kegunaan semua fakulti/ pusat pengajian yang mesti dipatuhi; dan
 - d) Menjadi rujukan kepada staf akademik untuk memohon dan dipertimbangkan kenaikan pangkat.

1.5 Buku STEPS Akademik UMK akan menjadi rujukan dalam urusan kenaikan pangkat staf akademik UMK seperti berikut:

- a) Pensyarah
 - i. Kenaikan pangkat Pensyarah (DS45) ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52);
 - ii. Kenaikan pangkat Pensyarah Kanan (DS51/ 52) ke jawatan Profesor Madya (DS54);
 - iii. Kenaikan pangkat Profesor Madya (DS53/ 54) ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7);
 - iv. Kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa Pensyarah (DS45) ke jawatan Profesor Madya (DS54);
 - v. Kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa Pensyarah Kanan (DS51/ 52) ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7);
 - vi. Kenaikan pangkat Profesor Gred Khas C (VK7) ke jawatan Profesor Gred Khas B (VK6); dan
 - vii. Kenaikan pangkat Profesor Gred Khas B (VK6) ke jawatan Profesor Gred Khas A (VK5).
- b) Guru Bahasa
 - i. Kenaikan pangkat Guru Bahasa Gred DG41 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44;
 - ii. Kenaikan pangkat Guru Bahasa Gred DG44 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48;
 - iii. Kenaikan pangkat Guru Bahasa Gred DG48 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52;
 - iv. Kenaikan pangkat Guru Bahasa Gred DG52 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54.

1.6 Buku STEPS Akademik UMK tidak diguna pakai kepada staf akademik UMK yang bertaraf kontrak dan sementara.

2.0 DEFINISI ISTILAH

2.1 Tafsiran-tafsiran yang digunakan di dalam proses kenaikan pangkat staf UMK adalah seperti berikut:

- a) **“Lembaga Pengarah Universiti”** ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan seperti yang disebutkan dalam seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan yang mempunyai kuasa sebagaimana yang dijelaskan dalam subseksyen 20(1), 20(2) dan 20(3) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.
- b) **“Naib Canselor”** ertinya seorang Ketua Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab memastikan semua peruntukan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dipatuhi, dan menjalankan pengawasan am ke atas segala perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebijakan dan tata tertib di Universiti serta boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut, kaedah-kaedah, dan peraturan-peraturan.
- c) **“Pihak Pengurusan Universiti”** ertinya Pihak Pengurusan Universiti yang disebut dalam Seksyen 23 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan oleh Statut.
- d) **“Timbalan Naib Canselor”** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan tersebut yang bertanggungjawab untuk membantu Naib Canselor dalam melaksanakan mana-mana kewajipan, kuasa, atau fungsi jawatannya.
- e) **“Pendaftar”** ertinya Pendaftar atau Ketua Jabatan dalam Universiti yang menguruskan hal sumber manusia, hal akademik atau hal pentadbiran umum dan termasuklah mana-mana orang lain dengan gelaran apa juia disebut, yang dilantik ke jawatan sepenuh masa yang diwujudkan dan dinamakan sedemikian oleh Statut atau selainnya.

- f) “**Dekan/Pengarah**” merujuk kepada staf akademik yang mengurus sebuah entiti akademik yang dinamakan sebagai Fakulti/ Pusat/ Sekolah/ *Research Alliance* atau apa jua nama yang ditetapkan bagi menjalankan fungsi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.
- g) “**Jawatankuasa Pemilih**” adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 26(1), 26(2), 26(3) dan 26(4) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan berkuatkuasa 31 Disember 2010. Jawatankuasa Pemilih terdiri daripada Jawatankuasa Pemilih Jawatan Kursi, Profesor Kanan dan Profesor serta Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik).
- h) “**Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti (JKPF)**” ertinya jawatankuasa yang menilai permohonan kenaikan pangkat staf akademik di peringkat Fakulti/ Pusat.
- i) “**Jawatankuasa Pemilih Kursi, Profesor Kanan dan Profesor**” ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan kenaikan pangkat bagi jawatan Kursi, Profesor Kanan dan Profesor untuk diperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat.
- j) “**Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik)**” ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan kenaikan pangkat staf akademik bagi jawatan selain Kursi, Profesor Kanan dan Profesor untuk diperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat.
- k) “**Lembaga Kenaikan Pangkat**” (selepas ini disebut sebagai Lembaga) adalah merujuk kepada pihak berkuasa yang meluluskan kenaikan pangkat. Dua (2) kategori Lembaga Kenaikan Pangkat iaitu pertama, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) bagi kenaikan pangkat ke jawatan gred 54 dan ke bawah, dan kedua, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor.

- l) “**Ketua Jabatan**” ertinya pegawai yang mengetuai sesebuah Pusat Tanggungjawab di UMK.
- m) “**Urus Setia**” ertinya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, UMK.
- n) “**Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM)**” ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk membincangkan perkara berkaitan pengurusan sumber manusia, pengurusan latihan dan pengurusan cuti belajar. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Canselor.
- o) “**Guru Bahasa**” ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti dalam Skim Perkhidmatan Guru Bahasa dengan Gred DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54.
- p) “**Academic-Based Public Advocacy**” ertinya keupayaan seseorang untuk melontarkan pendapat secara ilmiah yang memberi impak ke atas polisi demi kesejahteraan masyarakat.
- q) “**Corresponding Author**” adalah penulis yang berkomunikasi dengan pihak penerbit jurnal.
- r) “**Penyelidik Utama**” adalah individu yang mengetuai sesuatu kumpulan projek penyelidikan.
- s) “**Penyelidik Bersama**” adalah individu yang menganggotai sesuatu kumpulan projek penyelidikan.
- t) “**Penulisan Popular**” adalah hasil penulisan yang bertujuan menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih santai melalui medium seperti laporan akhbar, rencana, artikel, ulasan, kritikal sama ada di dalam surat khabar, majalah, buletin termasuk media elektronik seperti blog, laman web dan media sosial.
- u) “**Kertas Polisi**” adalah kertas kerja/ proposal yang dihasilkan oleh staf akademik yang telah digunakan oleh pembuat polisi sama ada Kerajaan,

agensi kerajaan atau Universiti sebagai salah satu input dalam menghasilkan sesuatu polisi.

- v) **“Pakar Luar”** adalah individu dari luar UMK (sama ada Dalam Negara atau Luar Negara) yang dilantik sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Pemilih. Pakar Luar hendaklah menjawat jawatan semasa yang setara atau lebih tinggi dari jawatan kenaikan pangkat yang akan dinilai.
- w) **“Sains dan Teknologi”** merujuk kepada bidang kepakaran staf akademik merangkumi bidang sains tulen, matematik, statistik, sains gunaan, kejuruteraan, sains komputer dan teknologi.
- x) **“Sains Sosial”** merujuk kepada bidang kepakaran staf akademik merangkumi bidang Antropologi, Ekonomi, Keusahawanan, Perakaunan, Pengurusan, Perniagaan, Linguistik, Etimologi, Psikologi, Sosiologi, Pendidikan, Komunikasi, Senibina, Seni dan Warisan, Hartanah dan Teknologi Kreatif.
- y) **“Klinikal”** merujuk kepada bidang kepakaran staf akademik merangkumi bidang perubatan veterinar, perubatan, pergigian dan farmasi.
- z) **“Pemohon”** adalah staf akademik sama ada Pensyarah mahupun Guru Bahasa yang memohon untuk kenaikan pangkat di Universiti Malaysia Kelantan.

3.0 PERATURAN DAN PRINSIP KENAIKAN PANGKAT

Peraturan dan perinsip kenaikan pangkat seorang staf akademik adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010: Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam yang menyatakan:

- 3.1 Pertimbangan kenaikan pangkat seseorang staf adalah berdasarkan merit. Dalam mempertimbangkan merit seseorang staf untuk kenaikan pangkat, Lembaga hendaklah mengambil kira:
 - a) Kecekapan dan prestasi kerja staf;
 - b) Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman staf;

- c) Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaianya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan staf; dan
 - d) Kegiatan luar dan sumbangan staf kepada masyarakat dan negara.
- 3.2 Staf akan hilang kekananan atas sebab faktor-faktor berikut:
- a) Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - b) Cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan; dan/ atau
 - c) Staf akademik yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya.
- 3.3 Dalam keadaan di perenggan 3.2, kekananan staf akan hilang selama tempoh:
- a) Percubaan dengan denda yang dilanjutkan;
 - b) Cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji; dan/ atau
 - c) Dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain itu.

Sebagai contoh, staf akademik A mula dilantik sebagai Pensyarah Kanan Gred DS51 pada 1 Januari 2017 dan pada 1 Januari 2019 beliau telah disahkan dalam perkhidmatan. Pada 1 Februari 2019, beliau telah mengambil Cuti Tanpa gaji selama dua (2) bulan. Berdasarkan syarat kenaikan pangkat Pensyarah Kanan DS51 ke jawatan Profesor Madya DS54, tempoh perkhidmatan minimum ialah tiga (3) tahun. Sehubungan itu, tempoh staf akademik A layak memohon kenaikan pangkat setelah mengambil kira kehilangan tempoh kekananan selama dua bulan kerana cuti tanpa gaji adalah pada 1 Mac 2020.

4.0 SYARAT- SYARAT KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

- 4.1 Syarat- syarat kenaikan pangkat terbahagi kepada dua (2) iaitu Syarat Umum dan Syarat Khusus.
- 4.1.1 Syarat Umum:
- Staf akademik adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila:
- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) Telah mencapai tahap ‘kecemerlangan akademik’ yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti atau Skim Perkhidmatan Guru Bahasa;

- c) Memperoleh minimum 85% markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) selama tiga (3) tahun terakhir berturut-turut. Bagi pemohon yang sedang cuti belajar, markah Laporan Kemajuan Kursus (LKK) akan disetarakan dengan markah LNPT oleh Fakulti/ Pusat;
- d) Telah berkhidmat di UMK tidak kurang dari tiga (3) tahun dari tarikh lantikan dalam skim dan gred semasa;
- e) Bebas daripada hukuman tatatertib dan insolvensi;
- f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- g) Telah mengisyiharkan harta.

4.1.2 Syarat Khusus:

Terdapat enam (6) Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA) yang digunakan untuk menilai kecemerlangan pemohon. Enam (6) KKA tersebut adalah:

- a) Pengajaran dan Penyeliaan
 - b) Penyelidikan dan Penerbitan
 - c) Sanjungan Akademik
 - d) Perundingan
 - e) Sumbangan Kepada Universiti
 - f) Penglibatan Dalam Masyarakat/ Industri
- 4.2 Staf akademik yang sedang bercuti belajar, bercuti sabatikal dan mengikuti program mobiliti adalah layak untuk memohon kenaikan pangkat dan tarikh kenaikan pangkat akan berkuatkuasa mulai tarikh yang diluluskan oleh Lembaga.
- 4.3 Mempunyai kualiti keperibadian yang baik dan tinggi.
- 4.4 Mendapat kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti (JKPF).
- 4.5 Setiap pemohon perlu memenuhi syarat wajib minimum mengikut jawatan kenaikan pangkat yang telah ditetapkan oleh Universiti sebelum memohon untuk kenaikan pangkat.

5.0 STAF AKADEMIK YANG LAYAK DAN TIDAK LAYAK UNTUK DIPERTIMBANGKAN KENAIKAN PANGKAT

- 5.1 Staf akademik yang telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat layak dipertimbangkan kenaikan pangkat termasuk staf akademik berikut:
- Staf dalam peminjaman atau pertukaran sementara;
 - Staf sedang bercuti belajar bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji;
 - Staf yang ditolak tetapi tidak dapat dibuktikan; dan
 - Staf yang sedang dalam prosiding tatatertib. Walau bagaimanapun, kes staf hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga; dan
 - Staf yang telah memangku (jika disyaratkan oleh Lembaga) termasuk pegawai yang telah bersara atau meninggal dunia.
- 5.2 Staf akademik berikut adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat:
- Staf tidak memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat seperti dalam perkara 4.0;
 - Staf bukan lantikan tetap; dan
 - Staf yang telah dikenakan hukuman tatatertib seperti dalam perkara 5.3.
- 5.3 Bagi staf akademik yang telah dikenakan hukuman tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Hukuman	Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat
1	Amaran	12 bulan
2	Denda	18 bulan
3	Lucut Hak Emolumen	24 bulan
4	Tangguh Pergerakan Gaji	30 bulan
5	Turun Gaji	36 bulan
6	Turun Pangkat	48 bulan

Tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ialah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan.

- 5.4 Bagi staf akademik yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat.
- 5.5 Bagi staf akademik yang dikenakan hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib dan kemudian menerima hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib yang lain dalam tempoh hukuman yang lain masih berjalan, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut tempoh keseluruhan hukuman berakhir. Contohnya, bagi staf akademik yang telah dikenakan tindakan tatatertib bagi kes pertama, dan kemudian dikenakan pula tindakan tatatertib bagi kes kedua, maka staf tersebut tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat sehingga tempoh keseluruhan (kes pertama dan kes kedua) berakhir.

BAHAGIAN II

KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Universiti Malaysia Kelantan merupakan sebuah universiti awam berfokus yang menawarkan pelbagai program sama ada dalam aliran sains atau sastera. Oleh itu, penilaian kenaikan pangkat yang dibuat ke atas pensyarah hendaklah merangkumi kesemua bidang, walaupun terdapat beberapa pengecualian yang difikirkan sesuai dipertimbangkan oleh Lembaga.
- 1.2 Kriteria penilaian kenaikan pangkat yang dikemukakan perlu menunjukkan peningkatan dari segi darjah kesukaran dan kualiti sejajar dengan peringkat pangkat yang dimohon. Perbezaan dalam kriteria ini menekankan kualiti dan kecemerlangan akademik seseorang staf akademik.
- 1.3 Terdapat Syarat Umum dan Syarat Khusus yang perlu dipenuhi oleh setiap pemohon. Syarat Khusus terdiri daripada enam (6) KKA yang digunakan dalam membuat penilaian ke atas sesuatu permohonan.
- 1.4 Universiti juga telah menetapkan Syarat Wajib Minimum yang perlu dilepasi oleh setiap staf akademik sebelum memohon kenaikan pangkat. Syarat Wajib Minimum yang ditetapkan bagi setiap jawatan adalah seperti di **Lampiran A**.

2.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH

- 2.1 Kenaikan pangkat pensyarah mengikut jawatan adalah seperti berikut:
 - a) **Pensyarah (DS45)** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Pensyarah Kanan (DS52)** sama ada mengikut kategori (i) atau (ii) seperti berikut:
 - i. Pemohon yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah/ kelayakan badan profesional yang setara dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia hendaklah:

- Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum (Penerbitan) Pensyarah Kanan (DS52) mengikut bidang masing-masing.
- ii. Pemohon yang tidak memiliki Ijazah Doktor Falsafah/ kelayakan badan profesional yang setara dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia hendaklah:
- Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Pensyarah Kanan (DS52) mengikut bidang masing-masing.
- b) **Pensyarah Kanan (DS51/ DS52)** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Profesor Madya (DS54)** apabila:
- Memiliki Ijazah Doktor Falsafah;
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Profesor Madya (DS54) mengikut bidang masing-masing.
- c) **Profesor Madya (DS53/ DS54)** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke **Profesor Gred C (VK7)** apabila:
- Memiliki Ijazah Doktor Falsafah;
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Profesor Gred Khas C (VK7) mengikut bidang masing-masing.
- d) **Profesor Gred Khas C (VK7)** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke **Profesor Gred Khas B (VK6)** apabila:
- Memenuhi Syarat Umum;
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Profesor Gred Khas B (VK6) mengikut bidang masing-masing; dan
 - Menunjukkan kecemerlangan dan kepimpinan akademik, keperibadian unggul, sanjungan akademik, sumbangan kepada universiti dan penglibatan dalam masyarakat.

- e) **Profesor Gred Khas B (VK6)** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke **Profesor Gred Khas A (VK5)** apabila:
- Memenuhi Syarat Umum;
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Profesor Gred Khas A (VK5) mengikut bidang masing-masing; dan
 - Menunjukkan kecemerlangan dan kepimpinan akademik, keperibadian unggul, sanjungan akademik, sumbangan kepada universiti dan penglibatan dalam masyarakat.
- f) **Pensyarah (DS45)** yang telah memenuhi Syarat Umum serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat terus ke jawatan **Profesor Madya (DS54)**.
- g) **Pensyarah Kanan (DS51/ DS52)** yang telah memenuhi Syarat Umum serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat terus ke jawatan **Profesor Gred Khas C (VK7)**.
- h) **Profesor Gred Khas A (VK5)** adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan **Profesor Ulung** apabila:
- Terbukti ketokohan akademik yang bersifat luar biasa (*extraordinary*) atau terbilang;
 - Terbukti kesarjanaannya melalui kegiatan penyelidikan dan sumbangan bercirikan *Academic-Based Public Advocacy* yang signifikan dan memberi impak kepada masyarakat umum;
 - Terbukti keintelektualan melalui pemikiran bernalas dan saranan tindakan strategik tentang isu-isu yang meliputi kemanusiaan sejagat dan berkaitan dengan ikhtiar mengatasi cabaran yang dihadapi oleh negara dan masyarakat, di dalam dan di luar negara;
 - Menerima sanjungan dalam bentuk anugerah berprestij pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - Memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KPT dari semasa ke semasa.

3.0 DEFINISI KRITERIA KECEMERLANGAN AKADEMIK (KKA)

UMK telah menetapkan enam (6) KKA untuk menilai kecemerlangan seseorang pensyarah iaitu:

3.1 Pengajaran dan Penyeliaan

- a) Semua aktiviti pengajaran dan penyeliaan pada peringkat prasiswazah dan pascasiswazah diambil kira seperti pengendalian kursus/ program, projek penyelidikan, penyeliaan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah, latihan industri dan amali seperti SIEP dan program kemasyarakatan dan pembangunan ekonomi.
- b) Ini termasuk juga penyediaan modul bahan pengajaran, *Computer-Assisted Instruction* (CAI) seperti *Massive Open Online Course* (MOOC) atau bahan yang digunakan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- c) Aspek pengajaran juga meliputi penyeliaan projek penyelidikan pelajar sama ada untuk projek tahun akhir atau penyelidikan pada peringkat sarjana atau kedoktoran.

3.2 Penyelidikan dan Penerbitan

- a) Projek penyelidikan merujuk kepada bilangan projek penyelidikan yang dilaksanakan sama ada sebagai ketua penyelidik (Penyelidik Utama) atau penyelidik bersama.
- b) Pemohon perlu mempamerkan keupayaan untuk menghasilkan penerbitan yang bermutu tinggi di samping mempunyai jumlah penerbitan yang bersesuaian dan mencerminkan kepakaran seseorang.
- c) Penerbitan ini juga harus disokong dengan penyelidikan yang bermutu tinggi dan boleh diterbitkan.
- d) Asas bagi penilaian sesuatu penerbitan adalah bergantung kepada mutu jurnal/ hasil penerbitan yang telah diterbitkan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

- e) Hasil penerbitan merangkumi jurnal, kertas polisi, modul pengajaran, buku teks, penulisan popular, terjemahan serta monograf dan penerbitan lain yang diiktiraf oleh sesuatu badan, penerbit atau UMK.

3.3 Sanjungan Akademik

- a) Sanjungan akademik merujuk kepada pengiktirafan yang diberikan kepada seseorang oleh komuniti akademik, agensi kerajaan atau swasta di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- b) Konsep sanjungan akademik menekankan kepada pengiktirafan pihak luar dan masyarakat terhadap kepakaran serta kesarjanaan akademik seseorang pemohon.
- c) Ini meliputi pengiktirafan keupayaan untuk menganggotai jawatankuasa yang berkaitan dengan bidang kepakarannya, penilai untuk permohonan geran penyelidikan, tesis penyelidikan pascasiswazah, anugerah akademik, ahli lembaga penyunting, pakar rujuk, pewasit, penilai buku/manuskrip, panel, juri dan lantikan-lantikan lain yang dibuat berdasarkan kepada kepakaran seseorang pemohon.
- d) Sanjungan akademik seharusnya mencerminkan kesarjanaan seseorang dalam bidang kepakarannya.

3.4 Perundingan

- a) Perundingan merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh staf akademik berdasarkan tugas atau projek bertempoh yang telah ditetapkan oleh pihak yang lain seperti industri, agensi kerajaan atau swasta dari dalam negara atau luar negara.
- b) Tugas atau projek perundingan boleh dikategorikan kepada dua (2) kategori iaitu perundingan berbayar dan juga perundingan tidak berbayar.
- c) Pemohon perlu memahami bahawa perundingan bukan hanya terhad kepada penjanaan kewangan dan pengukuhan jalinan kerjasama tetapi

juga sebagai suatu pendekatan untuk melambangkan pengiktirafan dan kesarjanaan seseorang sebagai staf akademik.

3.5 Sumbangan kepada Universiti

- a) Perkhidmatan atau sumbangan kepada Universiti merujuk kepada perkhidmatan seseorang staf akademik selain daripada tugas asas (hakiki) sebagai seorang pensyarah Universiti.
- b) Penilaian merangkumi penglibatan pemohon dalam semua aktiviti Universiti seperti menjayakan program, wawasan, perancangan dan hala tuju universiti.
- c) Perkhidmatan atau sumbangan kepada universiti boleh dinilai dalam dua (2) bentuk sama ada berdasarkan jawatan pentadbiran giliran atau berdasarkan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki.
- d) Keanggotaan dalam mana-mana jawatankuasa di peringkat Universiti juga akan diambil kira sebagai sumbangan kepada Universiti.

3.6 Penglibatan dalam Masyarakat/ Industri

- a) Dalam usaha untuk memperkuatkannya konsep relevan terhadap masyarakat dan industri, sumbangan terhadap masyarakat dan industri dalam kalangan staf akademik turut diambil kira dalam penilaian kenaikan pangkat. Perkhidmatan terhadap masyarakat dan industri boleh melibatkan atau tidak melibatkan sebarang ganjaran kewangan.
- b) Sumbangan dalam bidang kepakaran atau bukan bidang kepakaran yang dapat mengharumkan nama baik universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

4.0 WAJARAN KRITERIA KECEMERLANGAN AKADEMIK (KKA) PENSYARAH

- 4.1 Wajaran pemarkahan khusus mengikut kriteria kenaikan pangkat dan cara menilai bagi setiap kriteria kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52, Profesor Madya Gred DS54, Profesor Gred VK7, Profesor Gred VK6, dan Profesor Gred VK5 mengikut bidang adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Peratusan (%) Wajaran KKA mengikut Gred dan Bidang Pensyarah

Kriteria	Sains & Teknologi					Sains Sosial					Klinikal				
	DS52	DS54	VK7	VK6	VK5	DS52	DS54	VK7	VK6	VK5	DS52	DS54	VK7	VK6	VK5
Pengajaran dan penyeliaan	40	30	20	10	10	40	30	20	10	10	40	30	20	10	10
Penyelidikan dan Penerbitan	20	30	40	30	30	20	30	40	30	30	20	30	40	30	30
Sanjungan Akademik	10	15	20	25	25	10	15	20	25	25	10	15	20	25	25
Perundingan	0	10	10	10	10	0	10	10	10	10	5	10	10	10	10
Sumbangan kepada Universiti	15	10	5	15	15	15	10	5	15	15	15	10	5	15	15
Penglibatan dalam Masyarakat/ Industri	15	5	5	10	10	15	5	5	10	10	10	5	5	10	10

5.0 PENINGKATAN GRED BAGI STAF AKADEMIK KONTRAK/ SEMENTARA

- 5.1 Kenaikan pangkat tidak diberikan kepada staf akademik bertaraf kontrak atau sementara. Staf akademik yang bertaraf kontrak dan sementara boleh dipertimbangkan untuk peningkatan gred ke gred jawatan yang lebih tinggi.
- 5.2 Bagi tujuan peningkatan gred, kecemerlangan staf akademik bertaraf kontrak dan sementara akan dinilai berdasarkan kepada pencapaian Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA). Setiap staf akademik bertaraf kontrak dan sementara perlu melepassi Syarat Wajib Minimum bagi jawatan yang setara dengan jawatan peningkatan gred yang dimohon.
- 5.3 Permohonan peningkatan gred akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang berkaitan.

BAHAGIAN III
KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Skim Perkhidmatan Guru Bahasa adalah skim dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diwujudkan bertujuan menyelaras semua aktiviti program bahasa, termasuk memilih peserta, mengajar, menilai peserta-peserta kursus, di samping membuat kajian dan penyelidikan bagi keperluan latihan. Skim Guru Bahasa di UMK merangkumi bidang Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Ketiga.
- 1.2 Kriteria penilaian kenaikan pangkat mempamerkan kecemerlangan dari segi kualiti dan kesarjanaan akademik seseorang Guru Bahasa.

2.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

- 2.1 Kenaikan Pangkat Guru Bahasa mengikut jawatan adalah seperti berikut:
 - a) **Guru Bahasa Gred DG41** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Guru Bahasa Gred DG44** apabila:
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Guru Bahasa (DG44).
 - b) **Guru Bahasa Gred DG44** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Guru Bahasa Gred DG48** apabila:
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Guru Bahasa (DG48).
 - c) **Guru Bahasa Gred DG48** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Guru Bahasa Gred DG52** apabila:
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Guru Bahasa (DG52).
 - d) **Guru Bahasa Gred DG52** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Guru Bahasa Gred DG54** apabila:
 - Memenuhi Syarat Umum; dan
 - Memenuhi Syarat Wajib Minimum Guru Bahasa (DG54).

- 2.2 Universiti juga telah menetapkan Syarat Wajib Minimum yang perlu dilepasi oleh setiap Guru Bahasa sebelum memohon kenaikan pangkat. Syarat Wajib Minimum yang ditetapkan bagi setiap jawatan Guru Bahasa adalah seperti di **Lampiran B**.

3.0 DEFINISI KRITERIA KECEMERLANGAN AKADEMIK (KKA)

UMK telah menetapkan enam (6) KKA untuk menilai kecemerlangan seseorang Guru Bahasa iaitu:

3.1 Pengajaran

- a) Semua aktiviti pengajaran pada peringkat prasiswazah akan diambil kira, seperti pengendalian kursus (merangkumi pengajar kursus, koordinator kursus, ketua unit yang berkaitan dengan pengendalian kursus seperti ketua unit peperiksaan, ketua jawatankuasa portfolio atau mana-mana lantikan antarabangsa atau kebangsaan (termasuklah peringkat daerah, negeri serta negara) atau fakulti atau pusat atau jabatan yang berkaitan dengan pengajaran).
- b) Pengajaran juga merangkumi penyediaan seperti modul bahan pengajaran, *Computer-Assisted Instruction (CAI)* seperti *Massive Open Online Courses (MOOC)*, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran atau bahan yang digunakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran sebagai contoh kandungan aplikasi pengajaran atas talian, kandungan aplikasi mobil, serta keterlibatan dalam pembangunan polisi berkaitan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sama ada di fakulti atau pusat, mana-mana institusi pendidikan di Malaysia (sekolah, kolej, kolej universiti dan universiti) dan mana-mana institusi pengajian yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.

3.2 Penyelidikan dan Penerbitan

- a) Penyelidikan merujuk kepada aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh pemohon sama ada sebagai ketua penyelidik atau ahli bersama.
- b) Penyelidikan juga merangkumi penglibatan di dalam penghasilan ciptaan atau inovasi sama ada dipertandingkan atau tidak dipertandingkan di peringkat jabatan atau pusat atau fakulti atau universiti atau kebangsaan atau antarabangsa.
- c) Penerbitan merujuk kepada penulisan atau karya yang dihasilkan oleh pemohon bagi menunjukkan kepakaran pemohon.
- d) Pemohon perlu mempamerkan keupayaan untuk menghasilkan penerbitan yang bermutu tinggi di samping mempunyai jumlah penerbitan yang bersesuaian dan mencerminkan kepakaran pemohon.
- e) Asas bagi penilaian sesuatu penerbitan adalah bergantung kepada mutu jurnal (berimpak atau tidak berimpak/ berwasit atau tidak berwasit) yang telah diterbitkan sama ada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- f) Bentuk penulisan lain yang diambil kira ialah penulisan buku (modul pengajaran, buku teks, bab dalam buku, penulisan popular, terjemahan serta monograf) atau lain-lain penerbitan.

3.3 Sanjungan Akademik

- a) Sanjungan akademik merujuk kepada pengiktirafan yang diberikan kepada seseorang oleh komuniti akademik dan bukan akademik, manakala kepimpinan akademik pula merujuk kepada keupayaan seseorang untuk memimpin kelompok akademiknya.
- b) Konsep sanjungan akademik menekankan kepada pengiktirafan pihak luar dan masyarakat terhadap kepakaran serta keupayaan akademik seseorang pemohon seperti memberi perkhidmatan profesional kepada institusi luar bagi memberi imej yang baik kepada universiti termasuklah

memberi latihan atau pengajaran, penterjemahan berbayar, pemeriksa kertas peperiksaan, pakar rujuk di institusi luar dan lain-lain.

- c) Pengiktirafan pihak luar dan masyarakat juga turut melibatkan keupayaan dalam menganggotai jawatankuasa yang berkaitan dengan bidang kepakarannya, penilai untuk permohonan geran penyelidikan, tesis penyelidikan pascasiswazah, anugerah akademik, ahli lembaga penyunting dan sebagainya. Selain itu, pengiktirafan seperti pemeriksa kertas peperiksaan awam sama ada di peringkat kebangsaan (termasuklah peringkat daerah, negeri serta negara) atau antarabangsa, serta sebagai penilai program akademik (external reviewer) di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia atau luar negara turut diambil kira.
- d) Sanjungan akademik seharusnya mencerminkan kesarjanaan seseorang dalam bidang kepakarannya. Ia juga merangkumi pengiktirafan sebagai pakar rujuk (termasuklah melalui jemputan sebagai fasilitator atau penceramah atau pembimbing atau panel atau juri di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia). Selain itu, sanjungan akademik juga termasuklah jemputan menjadi penggubal kurikulum di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia atau luar negara.

3.4 Perundingan

- a) Perundingan merujuk kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Guru Bahasa kepada pihak luar (seperti sekolah, pelajar, institusi, komuniti dan industri). Perundingan tersebut boleh dalam bentuk latihan, pembangunan kapasiti, program-program perkhidmatan, penilai program, pentaksiran dan lain-lain.
- b) Perundingan merupakan sebahagian daripada sanjungan akademik yang membolehkan seseorang diberi kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas untuk pihak yang lain seperti industri, agensi kerajaan atau swasta.
- c) Ganjaran kepada perundingan boleh dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan. Ini adalah seperti dalam bentuk khidmat penterjemahan

berbayar, memberi latihan atau pengajaran berbayar di institusi luar, pemeriksa kertas peperiksaan berbayar, pakar rujuk berbayar di institusi luar, penjualan buku, penjualan modul, penjualan bahan inovasi dan lain-lain.

- d) Pemohon perlu memahami bahawa perundingan bukan hanya terhad kepada penjanaan kewangan tetapi juga sebagai suatu pendekatan dalam sanjungan akademik untuk meningkatkan moral staf.
- e) Universiti juga sentiasa menggalakkan kerja penasihat dan perundingan tanpa bayaran dengan pihak industri dan agensi luar bagi tujuan memperkuatkan jalinan kerjasama antara UMK dengan agensi dan industri.

3.5 Sumbangan kepada Universiti

- a) Perkhidmatan atau sumbangan kepada Universiti merujuk kepada perkhidmatan selain daripada tugas asas (hakiki) seorang Guru Bahasa Universiti, iaitu pengajaran, penyelidikan dan penyeliaan.
- b) Penilaian akan merangkumi penglibatan pemohon dalam semua aktiviti Universiti seperti menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju universiti.
- c) Penglibatan atau sumbangan kepada universiti boleh dinilai dalam dua (2) bentuk sama ada berdasarkan jawatan pentadbiran atau penglibatan dalam jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat jabatan atau pusat atau fakulti atau universiti atau kebangsaan atau antarabangsa yang memerlukan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki. Sumbangan ini termasuklah sebagai pengarah, penyelaras, ketua jabatan, setiausaha, bendahari, ketua jawatankuasa serta ahli jawatankuasa kecil yang lain sama ada di universiti dan/ atau PTJ.

3.6 Penglibatan dalam Masyarakat atau Industri

- a) Dalam usaha untuk memperkuatkan konsep relevan terhadap masyarakat dan industri, sumbangan terhadap masyarakat dan industri dalam kalangan Guru Bahasa akan diberi pertimbangan dalam kenaikan pangkat. Perkhidmatan terhadap masyarakat dan industri boleh melibatkan atau tidak melibatkan sebarang ganjaran kewangan.
- b) Sumbangan yang diberikan tidak terhad kepada bidang kepakaran sahaja tetapi penglibatan yang mengharumkan nama baik universiti seperti menjadi penilai program atau kursus atau silibus, pemeriksa, penilai peperiksaan atau jurulatih lantikan organisasi luar, penilai pertandingan, penceramah atau perunding kepada projek masyarakat atau jawatankuasa masyarakat setempat turut diambil kira, di samping mendidik pemohon ke arah mempunyai suatu keperibadian menyeluruh.

4.0 WAJARAN KRITERIA KECEMERLANGAN AKADEMIK (KKA) GURU BAHASA

- 4.1 Wajaran pemarkahan khusus mengikut kriteria kenaikan pangkat dan cara menilai bagi setiap kriteria kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa mengikut gred jawatan adalah seperti di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Peratusan (%) Wajaran KKA mengikut gred jawatan Guru Bahasa

Kriteria	DG44	DG48	DG52	DG54
Pengajaran	70	65	55	50
Penyelidikan dan Penerbitan	0	0	4	5
	0	3	4	5
Sanjungan Akademik	0	2	5	8
Perundingan	5	5	7	7
Sumbangan kepada Universiti	15	15	15	15
Penglibatan dalam Masyarakat atau Industri	10	10	10	10

BAHAGIAN IV
PEMARKAHAN DAN TATACARA PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

1.0 PEMARKAHAN

- 1.1 Struktur pemarkahan penilaian kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), Profesor Madya (DS54), Pensyarah Kanan (DS52) dan Guru Bahasa adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Struktur pemarkahan penilaian kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), Profesor Madya (DS54), Pensyarah Kanan (DS52) dan Guru Bahasa

Bil.	Perkara	Markah (%)
1	Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA)	100
2	Temu duga	20
3	Kualiti Peribadi	20
Jumlah		140

- 1.2 Struktur pemarkahan penilaian kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas A (VK5) adalah seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Struktur pemarkahan penilaian kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas A (VK5)

Bil.	Perkara	Markah (%)
1	Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA)	100
2	Temu duga	20
3	Kualiti Peribadi	40
Jumlah		160

- 1.3 Pengiraan markah dalam penilaian kenaikan pangkat staf akademik adalah berdasarkan kepada Jadual 5:

Jadual 5: Pengiraan Markah KKA

Kriteria	Markah Diperolehi	Markah Keseluruhan	Σ Markah minimum
Pengajaran dan Penyeliaan	$N_1 = n_1 \times WK_1$	$\sum N_{KKA} =$ $N_1 + N_2 + N_3 + N_4 + N_5 + N_6$	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap kriteria $\geq 80\%$ • Markah keseluruhan layak dipertimbangkan untuk ke peringkat seterusnya $\geq 80\%$
Penyelidikan dan Penerbitan	$N_2 = n_2 \times WK_2$		
Sanjungan Akademik	$N_3 = n_3 \times WK_3$		
Perundingan	$N_4 = n_4 \times WK_4$		
Sumbangan kepada Universiti	$N_5 = n_5 \times WK_5$		
Penglibatan dalam Masyarakat atau Industri	$N_6 = n_6 \times WK_6$		

N = Jumlah markah berdasarkan wajaran KKA

n = Jumlah markah yang diperoleh bagi setiap KKA

WK = Wajaran setiap KKA

- 1.4 Pemohon perlu mencapai markah minimum 80% bagi setiap kriteria dan 80% markah keseluruhan untuk melayakkan ke peringkat seterusnya.

2.0 KOMPONEN PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT

- 2.1 Komponen penilaian kenaikan pangkat staf akademik adalah berasaskan kriteria yang berupaya memenuhi “**tahap kecemerlangan akademik**” sebagaimana dikehendaki dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti dan Skim Perkhidmatan Guru Bahasa. Komponen penilaian merangkumi:
- a) Kelayakan Akademik (bagi Skim Pensyarah Universiti sahaja)
 - b) Prestasi Kriteria Kecemerlangan Akademik (KKA)
 - c) Laporan Penilai Dalam atau Luar
 - d) Laporan Kualiti Peribadi (Referi atau Penilaian 360°)
 - e) Prestasi Temu duga

2.1.1 Kelayakan Akademik

- a) Pemohon (Pensyarah) hendaklah memiliki kelayakan akademik minimum bagi permohonan kenaikan pangkat seperti dinyatakan di Bahagian II STEPS.

2.1.2 Prestasi KKA

- a) Pemohon akan dinilai berdasarkan pencapaian bagi setiap KKA mengikut skim perkhidmatan masing-masing.
- b) Pemohon hendaklah menepati enam (6) KKA mengikut wajaran yang ditetapkan.
- c) Pemohon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 80% markah bagi setiap KKA untuk layak dipertimbangkan ke peringkat seterusnya.

2.1.3 Laporan Penilai Dalam atau Luar

- a) Penilai Dalam mestilah seorang staf akademik yang sedang menjawat jawatan sekurang-kurangnya Profesor Madya di UMK dalam bidang kepakaran pemohon. Sekiranya tiada Penilai Dalam yang berkelayakan di dalam UMK, Penilai Dalam daripada Universiti luar UMK boleh dilantik.
- b) Penilai Luar mestilah seorang staf akademik yang sedang menjawat jawatan yang setara atau lebih tinggi daripada jawatan kenaikan pangkat yang dimohon oleh pemohon.
- c) Penilai Luar adalah staf akademik luar UMK sama ada dari dalam negara maupun luar negara yang mempunyai bidang kepakaran yang sama dengan pemohon.
- d) Senarai Penilai Dalam dan Penilai Luar adalah dinamakan oleh JKPF.
- e) JKPF akan menamakan tiga (3) orang Penilai Dalam bagi jawatan DG52, DG54 dan DS52.

- f) JKPF akan menamakan tiga (3) orang Penilai Luar (Dalam Negara) dan dua (2) Penilai Luar (Luar Negara) bagi jawatan DS54.
- g) JKPF akan menamakan dua (2) orang Penilai Luar (Dalam Negara) dan tiga (3) Penilai Luar (Luar Negara) bagi jawatan Profesor.
- h) Kuasa Melantik Penilai Dalam dan Penilai Luar adalah seperti Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Kuasa Melantik Penilai Dalam dan Penilai Luar

Jawatan Kenaikan Pangkat	Kategori Penilai	Kuasa Melantik
DG52/ DG54	Penilai Dalam	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) atau Pendaftar
DS52	Penilai Dalam	
DS54	Penilai Luar (Dalam Negara atau Luar Negara)	
VK7/ VK6/ VK5	Penilai Luar (Dalam Negara atau Luar Negara)	Naib Canselor atau Pendaftar

- i) Penilai Dalam dan Penilai Luar hendaklah tidak mempunyai hubungan kekeluargaan atau pernah menjadi Penyelia Akademik kepada pemohon.
- j) Maklumat berkenaan Penilai Dalam dan Penilai Luar adalah RAHSIA dan tidak boleh diketahui oleh pemohon.
- k) Penilai Dalam dan Penilai Luar yang tidak memberi maklumbalas penilaian dalam masa yang ditetapkan akan digantikan dengan Penilai Dalam dan Penilai Luar yang baharu yang dinamakan oleh JKPF.
- l) Semua Penilai Dalam dan Penilai Luar yang tidak menyokong permohonan pemohon tidak akan diganti dan keputusan akan diambilkira.
- m) Keperluan Penilai Dalam dan Penilai Luar bagi setiap Gred Jawatan adalah seperti Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Keperluan Penilai Dalam dan Penilai Luar bagi setiap
Gred Jawatan

Jawatan Kenaikan Pangkat	Penilai Dalam UMK	Penilai Luar		Bilangan minimum menyokong
		Dalam Negara	Luar Negara (Bukan Warganegara)	
DG52/ DG54	2 orang	-	-	2
DS52	2 orang	-	-	2
DS54	-	2 orang	1 orang	3
VK7/ VK6/ VK5	-	1 orang	2 orang	3

- n) Pemohon layak untuk dipanggil temu duga sekiranya menepati Bilangan Sokongan yang telah ditetapkan bagi jawatan yang dimohon.
- o) Pemohon yang gagal mendapatkan sokongan positif dari semua Penilai adalah gagal dan tidak layak untuk ditemu duga. Pemohon yang gagal hanya boleh memohon semula selepas enam (6) bulan dari tarikh surat keputusan dikeluarkan.
- p) Laporan Penilaian oleh Penilai Dalam dan Penilai Luar adalah menggunakan Borang UMK-KPPSM-III.

2.1.4 Prestasi Temu duga

- a) Pemohon yang diperaku oleh JKPF dan disokong oleh semua Penilai Dalam dan Penilai Luar adalah layak dipanggil temu duga.
- b) Penilaian prestasi semasa temu duga ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih dan tidak akan dipengaruhi oleh markah yang diperoleh daripada penilaian JKPF.
- c) Aspek yang dinilai semasa temu duga ialah:
 - i. Ciri-ciri perwatakan dan kepimpinan;
 - ii. Kompetensi berkomunikasi;
 - iii. Pengetahuan dalam bidang kepakaran;
 - iv. Kualiti peribadi; dan
 - v. Laporan sokongan Penilai Dalam dan Penilai Luar.

- d) Komponen temu duga mewakili 20% markah.
- e) Keputusan temu duga oleh Jawatankuasa Pemilih adalah sama ada Diperaku atau Tidak Diperaku.
- f) Keputusan temu duga bagi jawatan selain Kursi, Profesor Kanan dan Profesor akan dibawa ke Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) untuk keluluskan dan keputusan adalah muktamad.
- g) Keputusan temu duga jawatan Kursi, Profesor Kanan dan Profesor akan dibawa ke Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan dan keputusan tersebut adalah muktamad.

2.1.5 Kualiti Peribadi

- a) Kualiti peribadi akan dinilai menggunakan instrumen Indikator Set Kompetensi dengan menggunakan kaedah penilaian 360 darjah yang merangkumi penilaian oleh penyelia atasan, rakan sejawat dan staf bawahan pemohon;
- b) Laporan Kualiti Peribadi ini terpakai bagi kesemua jawatan.
- c) Komponen Kualiti Peribadi bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan ke bawah adalah mewakili 20% markah. Manakala komponen Kualiti Peribadi bagi jawatan Profesor Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas A (VK5) adalah 40%.
- d) Laporan Kualiti Peribadi akan diberikan oleh penilai yang telah ditetapkan atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Universiti.

3.0 TADBIR URUS DAN TATACARA PERMOHONAN

3.1 Tadbir Urus

Setiap permohonan kenaikan pangkat staf akademik akan dinilai oleh Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti (JKPF).

3.1.1 Keahlian JKPF bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa, Pensyarah Kanan (DS52) dan Profesor Madya (DS54) terdiri daripada:

- Pengerusi - dilantik dalam kalangan Profesor yang tidak memegang jawatan pentadbiran di fakulti berkenaan. Jika tiada Profesor yang berkelayakan, Profesor di fakulti lain boleh dilantik sebagai Pengerusi;
- Sekurang-kurangnya 2 orang pakar bidang yang berjawatan setara dengan jawatan kenaikan pangkat atau lebih tinggi. Sekiranya fakulti atau pusat tidak mempunyai kekananan dalaman, maka boleh melantik kesepakaran dari luar fakulti atau pusat;
- Seorang wakil Pengurusan Fakulti atau Pusat;
- Seorang wakil Pendaftar; dan
- Penolong Pendaftar Fakulti atau Pusat sebagai Setiausaha.

Kuasa Melantik

- Keahlian JKPF dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Pusat.
- Kuasa melantik keahlian JKPF bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa, Pensyarah Kanan (DS52) dan Profesor Madya (DS54) adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

3.1.2 Keahlian JKPF bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor terdiri daripada:

- Pengerusi – dilantik dalam kalangan Profesor yang berjawatan setara dengan jawatan kenaikan pangkat atau lebih tinggi yang tidak memegang jawatan pentadbiran di fakulti berkenaan. Jika tiada Profesor yang berkelayakan, Profesor di fakulti lain boleh dilantik sebagai Pengerusi;
- Sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar bidang yang berjawatan setara dengan jawatan kenaikan pangkat atau lebih tinggi;
- Seorang Profesor (wakil dari Majlis Profesor Universiti);
- Seorang wakil Pengurusan Fakulti atau Pusat;
- Seorang wakil Pendaftar; dan
- Penolong Pendaftar Fakulti atau Pusat sebagai Setiausaha.

Kuasa Melantik

- Keahlian JKPF dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Pusat.
- Kuasa melantik keahlian JKPF bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor adalah Naib Canselor.

3.1.3 Terma rujukan bagi JKPF adalah:

- Keahlian jawatankuasa hendaklah bertempoh selama tiga (3) tahun.
- Membuat semakan dan penilaian ke atas borang dan dokumen sokongan permohonan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.
- Memastikan input markah oleh pemohon adalah bertepatan dengan pencapaian yang dinyatakan oleh pemohon.
- Membuat penilaian ke atas personaliti pemohon.
- Memperakukan kesesuaian permohonan.
- Mengemukakan laporan perakuan kepada Urus setia.
- Keputusan JKPF hendaklah dimaklumkan kepada pemohon.
- Pemohonan yang tidak diperaku hendaklah dimaklumkan beserta ulasan.
- Menamakan dan mengesahkan nama Penilai Dalam atau Luar bagi pemohon yang diperaku.

3.1.4 Mana-mana pemohonan yang tidak diperakukan pada peringkat tapisan atau peringkat temu duga boleh mengemukakan permohonan baru.

3.1.5 Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti (JKPF) juga diguna pakai untuk kenaikan pangkat bagi Skim Perkhidmatan Guru Bahasa (DG).

3.2 Tatacara Permohonan

3.2.1 Pejabat Pendaftar akan membuat hebahan takwim permohonan kenaikan pangkat staf akademik UMK kepada semua fakulti atau pusat untuk membolehkan staf akademik dan fakulti membuat perancangan.

3.2.2 Pemohon mengemukakan permohonan kenaikan pangkat dengan menggunakan dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Kenaikan Pangkat.
 - b) *Curriculum Vitae*
 - c) Dokumen-dokumen sokongan.
- 3.2.3 Permohonan yang telah lengkap perlu disediakan dalam satu (1) salinan cetak (hardcopy) dan satu (1) salinan digital (softcopy).
- 3.2.4 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk sokongan.
- 3.2.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan yang dimajukan kepada Pejabat Pendaftar adalah lengkap.
- 3.2.6 Permohonan yang tidak menggunakan borang atau format yang ditetapkan atau tidak lengkap akan dikembalikan.
- 3.2.7 Permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan akan dinilai oleh JKPF.
- 3.2.8 Permohonan yang diperaku oleh JKPF akan dimajukan kepada Pejabat Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.
- 3.2.9 Proses kerja dan Carta Alir Proses Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik adalah sebagaimana **Lampiran C**.

4.0 TATACARA TEMU DUGA

- 4.1 Permohonan yang telah diperakuan oleh JKPF akan dimajukan kepada Pejabat Pendaftar bagi tujuan temu duga. Sesi temu duga akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilih.
- 4.2 Terma rujukan Jawatankuasa Pemilih adalah:
- a) Meneliti laporan perakuan JKPF pemohon;
 - b) Menjalankan temu duga;
 - c) Memperakukan keputusan temu duga kepada Lembaga bagi mendapatkan kelulusan kenaikan pangkat.

4.3 Keanggotaan Jawatankuasa Pemilih

- a) Keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Kursi, Profesor Kanan dan Profesor adalah seperti berikut:
- Naib Canselor sebagai Pengerusi;
 - Dua (2) orang ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (Bukan Kategori Wakil Senat);
 - Dua (2) orang wakil Senat bertaraf Profesor yang dilantik oleh Senat;
 - Dua (2) orang Pakar Luar (Mengikut bidang kepakaran pemohon); dan
 - Pendaftar sebagai Setiausaha.
 - Ketua Jabatan pemohon boleh dijemput untuk turut hadir.
- b) Keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik) bagi jawatan Profesor Madya (DS54) adalah seperti berikut:
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi;
 - Seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (Bukan Kategori Wakil Senat);
 - Dua (2) wakil Senat yang dilantik oleh Senat;
 - Seorang Pakar Luar (Mengikut bidang kepakaran pemohon); dan
 - Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha.
 - Ketua Jabatan pemohon boleh dijemput untuk turut hadir.
- c) Keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik) bagi jawatan Guru Bahasa dan Pensyarah Kanan (DS52) adalah seperti berikut:
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi;
 - Dua (2) orang wakil Senat yang dilantik oleh Senat; dan
 - Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha.
 - Ketua Jabatan pemohon boleh dijemput untuk turut hadir.

5.0 LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

- 5.1 Lembaga Kenaikan Pangkat adalah seperti berikut:
- a) Kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa, Pensyarah Kanan (DS52) dan Profesor Madya (DS54) adalah Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM).
 - b) Kenaikan pangkat ke jawatan Kursi, Profesor Gred Khas C (VK7), Gred Khas B (VK6) dan Gred Khas A (VK5) adalah Lembaga Pengarah Universiti.
 - c) Kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Ulung adalah Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

6.0 KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT

- 6.1 Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan dibuat oleh Lembaga.
- 6.2 Permohonan yang tidak berjaya akan dimaklumkan secara bertulis beserta ulasan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan dibuat oleh Lembaga.
- 6.3 Segala keputusan oleh Lembaga adalah MUKTAMAD dan TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN.

7.0 RAYUAN

- 7.1 Rayuan dibenarkan kepada pemohon yang tidak diperaku oleh JKPF. Pemohon boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Naib Canselor dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat pemakluman keputusan.
- 7.2 Rayuan yang diterima selepas 14 hari bekerja dari tarikh keputusan dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan.
- 7.3 Satu Jawatankuasa bebas yang dilantik oleh Naib Canselor akan ditubuhkan untuk mengendalikan kes rayuan. Jawatankuasa ini hanya akan mengkaji kes-kes

rayuan berdasarkan maklumat atau dokumen baharu atau tambahan yang mungkin diminta atau disampaikan oleh pemohon bagi menyokong rayuannya.

- 7.4 Semua rayuan hendaklah dibuat menggunakan borang rayuan.
- 7.5 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar untuk diproses.

8.0 RUJUKAN

- a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU);
- b) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (P.U. (A) 461);
- c) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan Pindaan 2017;
- d) Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 [P.U.(A) 75/2010];
- e) Statut Universiti Malaysia Kelantan;
- f) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009: Garis Panduan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib;
- g) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010: Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam;
- h) Garis Panduan Kenaikan Pangkat Profesor oleh KPT 2012;
- i) *University Transformational Program (Orange Book) (2016): Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development*; dan
- j) Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Universiti Malaysia Kelantan 2015.

**JAWATANKUASA PEMURNIAN SYARAT-SYARAT DAN
TATACARA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pengerusi	Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi Pengerusi Majlis Profesor Universiti
Ahli	Prof. Ir. Dr. Shah Nor bin Basri Profesor, FBKT
	Prof. Dr. Saberi bin Tan Ah Chik @ Abdullah Profesor, FBKT
	Datuk Dr. Beatrice Ming Baikan @ Berniedetta Felo Utama, FIAT
	Prof. Dr. Jasni bin Sabri Profesor, FPV
	Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan Profesor, FPV
	Prof. Dr. Naresh Kumar a/l Samy Profesor, FKP
	Prof. Datuk Dr. Abdul Halim bin Sidek Profesor, FKP
	Prof. Madya Dr. Mohammad Rusdi bin Mohd Nasir Profesor Madya, FTKW
	Puan Nor Hanim binti Mustafa Guru Bahasa, PBI
	YM Tg. Iffah binti Tuan Yazid Guru Bahasa, PBI
Urus Setia	Puan Mazula binti Sabudin Pendaftar
	YM Raja Azlan bin Raja Ismail Timbalan Pendaftar Kanan
	Encik Mohd Badrul Hisyam bin Muhamad Alias Timbalan Pendaftar
	Puan Nur Athirah binti Mat Yusoff Penolong Pendaftar

LAMPIRAN A (i)
SYARAT WAJIB MINIMUM UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT BIDANG BAGI JAWATAN PENSYARAH KANAN (DS52) DI UMK

KRITERIA/ BIDANG	SAINS & TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KLINIKAL
PENYELIDIKAN	1 sebagai Ketua Projek	1 sebagai Ketua Projek	1 sebagai Ketua Projek
PENERBITAN	Kumulatif: 1-3 berindeks termasuk seperti berikut: i) Pemegang PhD - 1 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author ii) Bukan Pemegang PhD - 3 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author	Kumulatif: 1-3 berindeks termasuk seperti berikut: i) Pemegang PhD - 1 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author ii) Bukan Pemegang PhD - 3 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author	Kumulatif: 1-3 berindeks termasuk seperti berikut: i) Pemegang PhD - 1 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author ii) Bukan Pemegang PhD - 3 artikel berindeks SCOPUS/ISI sebagai Penulis Utama/ Correspondent Author
PENGAJARAN & PENYELIAAN	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif atau 20 jam penyeliaan klinikal seminggu dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
SANJUNGAN AKADEMIK	Penceramah Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1	Penceramah Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1	Penceramah Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1
PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI)	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1

Persetaraan

- 1 buku berwasit (ISBN) = 4 artikel SCOPUS/ISI
- 4 bab dalam buku berwasit = 1 buku/ ebook berwasit
- 1 kertas polisi baharu selain tugas hakiki yang digunakan oleh UMK = 1 artikel SCOPUS/ISI
- 1 kertas polisi baharu di peringkat Negeri/ Kebangsaan = 6 artikel SCOPUS/ISI
- 1 kertas polisi baharu di peringkat Antarabangsa = 10 artikel SCOPUS/ISI
- 20 penulisan popular = 1 artikel SCOPUS/ISI. Penulisan popular merangkumi cerpen, rencana dalam akhbar, puisi yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf
- 4 lukisan teknikal yang telah disahkan oleh professional = 1 artikel SCOPUS/ISI
- 3 lirik lagu, 3 skrip drama, 3 video dokumentari, 3 karya seni kreatif selain daripada bahan pengajaran yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf = 1 artikel SCOPUS/ ISI

LAMPIRAN A (ii)
SYARAT WAJIB MINIMUM UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT BIDANG
BAGI JAWATAN PROFESOR MADYA (DS54) DI UMK

KRITERIA/ BIDANG	SAINS & TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KLINIKAL
PENYELIDIKAN	3 ketua projek termasuk minimum 1 geran luar dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua/ ahli: RM150,000 (Kumulatif)	3 ketua projek termasuk minimum 1 geran luar dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua/ ahli: RM90,000 (Kumulatif)	2 ketua projek termasuk minimum 1 geran luar dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua/ ahli: RM100,000 (Kumulatif)
	Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 10 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 3	Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 10 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 2	Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 5 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 2
	20 kredit mengajar secara kumulatif dan 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan 20 jam penyeliaan klinikal seminggu dan 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 2 Pelatih Kepakaran @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
PENGAJARAN & PENYELIAAN	Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1 atau Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5 atau Penilai manuskrip buku – 2	Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1 atau Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5 atau Penilai manuskrip buku – 2	Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1 atau Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5 atau Penilai manuskrip buku – 2

PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan	Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan
	Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1
PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 2 dan	Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 2 dan	Perundingan sebagai pakar rujuk: 2 atau Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal: 2 atau kombinasi tersebut di atas dan
	Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli	Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli	Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli

Nota:

Kumulatif bermaksud sepanjang tempoh perkhidmatan sama ada dalam atau di luar UMK

Kesetaraan

1 Penyelia Utama = 2 Penyelia Bersama

LAMPIRAN A (iii)**SYARAT WAJIB MINIMUM UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT BIDANG BAGI JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) DI UMK**

KRITERIA/ BIDANG	SAINS & TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KLINIKAL
PENYELIDIKAN	7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM350,000 (Kumulatif)	7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM210,000 (Kumulatif)	5 Ketua Projek termasuk 1 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM250,000 (Kumulatif)
	Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 4	Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 3	Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 3
	30 kredit mengajar secara kumulatif dan 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	30 kredit mengajar secara kumulatif dan 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 1 Phd bergraduat Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	30 kredit mengajar secara kumulatif dan 30 jam penyeliaan klinikal seminggu dan 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan 2 Msc @ 2 Pelatih Kepakaran @ 1 Phd bergraduat Penyelia Utama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
SANJUNGAN AKADEMIK (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2 dan Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai jurnal indeks – 10 atau Penilai manuskrip buku – 5 atau Penilai luar bagi pelantikan kenaikan pangkat Prof Madya – 2	Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2 dan Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai jurnal indeks – 10 atau Penilai manuskrip buku – 5 atau Penilai luar bagi pelantikan kenaikan pangkat Prof Madya – 2	Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2 dan Editor Jurnal berindeks: 1 atau Penilai jurnal indeks – 10 atau Penilai manuskrip buku – 5 atau Penilai luar bagi pelantikan/ kenaikan pangkat Prof Madya – 2

PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 5 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 5 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Perundingan sebagai pakar rujuk: 5 atau Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal: 5 ATAU kombinasi tersebut diatas (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)
	dan	dan	dan
	Nilai perundingan: RM 50,000 sebagai ketua/ ahli	Nilai perundingan: RM 50,000 sebagai ketua/ ahli	Nilai perundingan: RM 50,000 sebagai ketua/ ahli

Nota:

Kumulatif bermaksud sepanjang tempoh perkhidmatan sama ada dalam atau di luar UMK

Kesetaraan

1 Penyelia Utama = 2 Penyelia Bersama

LAMPIRAN A (iv)**SYARAT WAJIB MINIMUM UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT BIDANG BAGI JAWATAN PROFESOR GRED KHAS B (VK6) DI UMK**

KRITERIA/ BIDANG	SAINS & TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KLINIKAL
PENYELIDIKAN	9 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan	9 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan	7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan
	Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa	Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa	Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa
	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 5	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 4	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 4
PENGAJARAN & PENYELIAAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 30 jam penyeliaan klinikal seminggu dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ ISI luar negara dan Penilai jurnal berindeks SCOPUS/ ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ ISI luar negara dan Penilai jurnal berindeks SCOPUS/ ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ ISI luar negara dan Penilai jurnal berindeks SCOPUS/ ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku
SANJUNGAN AKADEMIK (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)			

	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7
PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piawaian, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piawaian, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piawaian, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti
PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 6 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 6 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Perundingan sebagai pakar rujuk: 6 atau Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal: 6 ATAU kombinasi tersebut diatas (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)
	dan Nilai perundingan: RM 70,000 sebagai ketua	dan Nilai perundingan: RM 70,000 sebagai ketua	dan Nilai perundingan: RM 70,000 sebagai ketua

Nota:

Kumulatif bermaksud sepanjang tempoh perkhidmatan sama ada dalam atau di luar UMK

Kesetaraan

1 Penyelia Utama = 2 Penyelia Bersama

LAMPIRAN A (v)
SYARAT WAJIB MINIMUM UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT BIDANG BAGI JAWATAN PROFESOR GRED KHAS A (VK5) DI UMK

KRITERIA/ BIDANG	SAINS & TEKNOLOGI	SAINS SOSIAL	KLINIKAL
PENYELIDIKAN	9 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa	9 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa	7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa dan Nilai minimum geran penyelidikan luar sebagai ketua: RM 200,000 di jawatan semasa
	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 5	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 4	Kumulatif – 40 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 8 di antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa dan h- index (SCOPUS): 4
	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	50 kredit mengajar secara kumulatif dan 30 jam penyeliaan klinikal seminggu dan 4 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 3 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
PENGAJARAN & PENYELIAAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK (Kumulatif dari lantikan sebagai Profesor) dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK (Kumulatif dari lantikan sebagai Profesor) dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran	Telah menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) Syarahan Profesor di UMK (Kumulatif dari lantikan sebagai Profesor) dan 3 pelantikan sebagai Pakar Rujuk dari Luar UMK dalam Bidang Kepakaran

	dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa	dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa	dan Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa
	dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ISI luar negara	dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ISI luar negara	dan Editor Jurnal berindeks SCOPUS/ISI luar negara
	dan Penilai jurnal indeks ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku	dan Penilai jurnal indeks ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku	dan Penilai jurnal indeks ISI dan/ atau Penilai manuskrip buku
	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan di peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa (seperti pembentukan polisi, merangka program intervensi negara, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara)	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan di peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa (seperti pembentukan polisi, merangka program intervensi negara, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara)	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan di peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa (seperti pembentukan polisi, merangka program intervensi negara, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara)
PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7	dan Menjadi Penilai luar kenaikan pangkat Profesor Madya (DS54) atau Profesor VK7
	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan / majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti	dan Menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa/ task force/ majlis tindakan (seperti pembentukan polisi, merangka program, pembangunan piaawaiyan, pelan strategik dan yang setara) di peringkat Universiti

PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 7 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 7 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Perundingan sebagai pakar rujuk: 7 atau Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal: 7 ATAU kombinasi tersebut diatas (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)
	dan	dan	dan
	Nilai perundingan: RM 80,000 sebagai ketua	Nilai perundingan: RM 80,000 sebagai ketua	Nilai perundingan: RM 80,000 sebagai ketua

Nota:

Kumulatif bermaksud sepanjang tempoh perkhidmatan sama ada dalam atau di luar UMK

Kesetaraan

1 Penyelia Utama = 2 Penyelia Bersama


LAMPIRAN B**SYARAT WAJIB MINIMUM KENAIKAN PANGKAT BAGI JAWATAN GURU BAHASA DI UMK**

KRITERIA/ BIDANG	DG44	DG48	DG52	DG54
PENYELIDIKAN			1 sebagai Ketua/ Ahli	1 sebagai Ketua/ Ahli
PENERBITAN		1 Penerbitan Ilmiah @ 2 Penerbitan Modul @ 1 Buku	2 Penerbitan Ilmiah @ 3 Penerbitan Modul @ 1 Buku	2 Penerbitan Ilmiah @ 3 Penerbitan Modul @ 1 Buku
PENGAJARAN & PENYELIAAN	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)	20 kredit mengajar secara kumulatif dan Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas)
SANJUNGAN AKADEMIK		Penceramah/ Pembentang Persidangan Kebangsaan: 1 dan Penceramah/ Pembentang Persidangan Antarabangsa: 1	Penceramah/ Pembentang Persidangan Kebangsaan: 1 dan Penceramah/ Pembentang Persidangan Antarabangsa: 1	Penceramah/ Pembentang Persidangan Kebangsaan: 1 dan Penceramah/ Pembentang Persidangan Antarabangsa: 1
PERUNDINGAN	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 1 Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 1 Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 2 Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)	Bilangan rundingan dalam bidang kepakaran: 2 Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar)
PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI)	Peringkat Universiti sebagai Pengerusi/ AJK : 1 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat Universiti sebagai Pengerusi/ AJK : 1 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat Universiti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1	Peringkat Universiti sebagai Pengerusi/ AJK : 2 dan Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1

LAMPIRAN C**PROSES KERJA****AKTIVITI : KENAIKAN PANGKAT (AKADEMIK)****MATLAMAT : MEMASTIKAN PROSES KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
DILAKUKAN MENGIKUT PERATURAN YANG DITETAPKAN**

Bil	Proses Kerja	Susur Masa
1.	Membuat hebahan iklan permohonan kenaikan pangkat staf akademik UMK.	21 hari
2.	Menerima dan menyemak dokumen permohonan daripada pemohon seperti berikut : i) Borang Permohonan Kenaikan Pangkat ii) Curriculum Vitae (CV) iii) Borang Pemarkahan STEPS (Borang Excel). iv) Dokumen- dokumen sokongan.	7 hari
3.	Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Fakulti (JKPF).	30 hari
4.	Mengemukakan dokumen permohonan yang telah diperakui di peringkat JKPF (dihantar dalam satu (1) salinan cetak (hardcopy) dan satu (1) salinan digital (softcopy) dalam medium pemacu pena (Pendrive)) dan senarai penilai dalam/ penilai luar kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.	7 hari
5.	Membuat pelantikan penilai dalam/ penilai luar dan menghantar maklumat calon untuk penilaian.	7 hari
6.	Menerima laporan penilaian daripada penilai dalam/ penilai luar.	21 hari
7.	Mengadakan sesi temu duga.	30 hari
8.	Menyediakan laporan temu duga dan dibentangkan kepada Lembaga.	30 hari
9.	Mengeluarkan surat keputusan kepada pemohon yang berjaya dan tidak berjaya.	7 hari

**CARTA ALIR
KENAIKAN PANGKAT (AKADEMIK)**





UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN AKADEMIK

Pemohon diminta membaca Syarat-syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) Akademik Universiti Malaysia Kelantan dengan teliti sebelum mengisi borang permohonan ini.

Pemohon juga dinasihatkan agar menekankan kekuatan/ kelebihan pemohon semasa mengisi borang permohonan ini.

Senarai Semak Dokumen Permohonan Kenaikan Pangkat	
Sudahkah anda:	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengisi Borang UMK-KPPSM-I (2011) Pindaan 2020 2. Mengisi Borang Permarkahan 3. Menyediakan CV menggunakan format UMK-KPPSM-II (2011) 4. Menyertakan satu (1) salinan sijil akademik 5. Melampirkan satu (1) salinan penerbitan dan lain-lain dokumen berkaitan tugas dan aktiviti yang dinyatakan dalam CV. 	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
Sila jilid semua dokumen yang disenaraikan di atas kepada satu (1) dokumen sahaja. (kecuali buku, video, CD dan lain-lain yang perlu diserahkan secara berasingan) mengikut susunan berikut:	
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Borang UMK-KPPSM-I (2011) Pindaan 2020; ➤ CV yang menggunakan format Borang UMK-KPPSM-II (2011); ➤ Muka surat pertama semua borang yang disenaraikan pada para. 5 	
Serahkan satu (1) salinan harcopy dan satu (1) softcopy (CD) dokumen permohonan kenaikan pangkat melalui Dekan fakulti kepada Pejabat Pendaftar. Pemberian markah kepada pemohon adalah tertakluk kepada maklumat yang diberikan sahaja.	



JAWATAN DIPOHON : _____

A) MAKLUMAT PERIBADI

1. Nama Penuh : _____
2. Jawatan Semasa : _____
3. No. Staf : _____ Fakulti : _____
4. No. Tel : _____ No. Faks : _____
5. Emel : _____
6. Tarikh Lantikan Kali Pertama di UMK : _____
7. Tarikh Lantikan Jawatan Semasa : _____

B) BIDANG KEPAKARAN

1. Kelompok : Sains dan Teknologi/ Sains Sosial/ Klinikal
2. Bidang Kepakaran : _____

C) KELAYAKAN AKADEMIK DAN PROFESIONAL

(Senaraikan kelayakan akademik yang dimiliki mulai Ijazah Pertama sehingga terkini)

Nama Kelayakan (nama penuh)	Tahun	Bidang	Universiti/ Badan Profesional
Ijazah Sarjana Muda			
Ijazah Sarjana			
Ijazah Doktor Falsafah			
Kelayakan Profesional lain (jika ada)			

D) MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

(Bagi 3 tahun terkini)

Tahun			
Markah			

E) TAJUK TESIS

1. Ijazah Sarjana : _____
2. Ijazah Doktor Falsafah : _____

F) PENGALAMAN KERJA

(Senaraikan pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan dipohon sahaja.)

Tahun	Bidang Pekerjaan	Organisasi

* Sila sertakan lampiran lain sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

- G)** Berdasarkan prestasi akademik seperti yang dinyatakan dalam CV, sila nyatakan pencapaian kecemerlangan akademik dan nyatakan penilaian kendiri terhadap pencapaian terbaik anda.

i) BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

(Berikan ulasan anda sejauh mana hasil/ aktiviti penyelidikan dan penerbitan anda telah memberi impak kepada kemajuan ilmiah dan ilmu pengetahuan serta inovasi/ pembaharuan yang anda lakukan sehingga terhasil paten, hak cipta dan tanda dagangan. Berikan ulasan anda sejauh mana aktiviti penyelidikan yang anda lakukan telah berjaya dikomersialkan)

ii) BIDANG PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

(Berikan ulasan anda bagi aktiviti pengajaran dan penyeliaan yang merangkumi pembangunan kurikulum, inovasi, sumbangan dan kreativiti dalam pembelajaran serta kebolehan dan pencapaian anda dalam menyelia pelajar.)

iii) SANJUNGAN AKADEMIK DAN KEPIMPINAN AKADEMIK

(Berikan ulasan anda terhadap pencapaian dan sumbangan anda dalam bidang kepakaran dan pengiktirafan yang telah diterima oleh kelompok kesepakaran pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.)

iv) PERUNDINGAN

(Berikan ulasan anda terhadap pencapaian dan sumbangan anda dari segi kualiti dan kepentingan perkhidmatan/ produk perundingan serta persepsi masyarakat/ pelanggan terhadapnya. Berikan juga ulasan mengenai penglibatan anda dalam badan- badan teknikal/ professional termasuk sebarang sangkutan industri yang telah dijalani.)

v) SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI

(Berikan ulasan anda mengenai peranan dan sumbangan utama anda dalam merancang dan melaksanakan polisi akademik dan pentadbiran di peringkat Jabatan/ Fakulti/ Universiti.)

vi) PENGLIBATAN/ PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT DAN INDUSTRI

(Berikan ulasan anda mengenai peranan dan sumbangan utama anda kepada masyarakat dan industri)

vii) RINGKASAN

(Nyatakan mengapa anda layak untuk menjawat jawatan kenaikan pangkat yang dipohon ini.)

H) PERAKUAN OLEH PEMOHON

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang disertakan adalah benar dan sekiranya terdapat maklumat yang didapati tidak benar, permohonan saya boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

Tandatangan Pemohon : _____

Tarikh : _____

I) PENCALONAN PENILAI DALAM DAN PENILAI LUAR (Diisi bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan _____)

- Calon yang memohon kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Madya dikehendaki menamakan tiga (3) orang Penilai Luar berjawatan Profesor dalam bidang yang berkaitan dan dalam keadaan tertentu Penilai pada jawatan Profesor Madya turut boleh dipertimbangkan. Seorang dari yang dicalonkan itu hendaklah Penilai Antarabangsa yang juga dalam bidang yang berkaitan.
- Calon yang memohon kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor dikehendaki menamakan tiga (3) orang Penilai Luar berjawatan Profesor dalam bidang berkaitan dan dua (2) darinya adalah Penilai Antarabangsa.
- Calon yang memohon kenaikan pangkat bagi jawatan Pensyarah Kanan dikehendaki menamakan tiga (3) orang Penilai Dalaman dalam bidang yang berkaitan dan menyandang jawatan sekurang-kurangnya sebagai Profesor Madya.
- Universiti walau bagaimanapun tidak terikat untuk melantik Penilai Luar seperti mana yang disenaraikan oleh pemohon.

1. Nama Penilai Luar : _____

Jawatan : _____

Alamat : _____

No. Tel/ Samb/ Faks : _____

Emel : _____

2. Nama Penilai Luar : _____

Jawatan : _____

Alamat : _____

No. Tel/ Samb/ Faks : _____

Emel : _____

3. Nama Penilai Luar : _____

Jawatan : _____

Alamat : _____

No. Tel/ Samb/ Faks : _____

Emel : _____

J) LAPORAN DEKAN/ PENGARAH/ KETUA JABATAN

Nama Dekan/ Pengarah/ Ketua : _____
Jabatan

Nama Fakulti/ Pusat : _____

Sila beri komen tentang perkara berikut berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh calon dan pengalaman peribadi bersama calon.

a. Penyelidikan dan Penerbitan

b. Pengajaran dan Penyelidikan

c. Sanjungan Akademik dan Kepimpinan Akademik

d. Perundingan

e. Sumbangan kepada Universiti

f. Penglibatan kepada masyarakat dan industri

g. Keperibadian, sahsiah, jalinan kerjasama, sikap atau ciri calon lain yang difikirkan perlu diberi perhatian selari dengan permohonan kenaikan pangkat calon

Dengan ini, saya _____
Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan _____
menyokong/ tidak menyokong * permohonan calon ini untuk dinaikkan pangkat ke jawatan
Profesor Gred VK7 (Gred Khas C) /Profesor Madya (Gred DS54)/ Pensyarah Kanan (DS52)/ Guru
Bahasa (DG54/DG52/DG48/DG44)*

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

(KULIT BELAKANG)

LOGO PENERBIT / ALAMAT PENERBIT / BAR CODE ISBN

*Sekiranya pendaftaran buku menggunakan no.
ISSN. Bar Code perlu berada di muka hadapan kulit
buku.*